

25 MAY 1999

Negara-Tanggung

PERSIDANGAN DEWAN NEGARA DITANGGUH SETELAH BERSIDANG 15 HARI

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Dewan Negara yang mula bersidang pada 3 Mei lepas ditangguhkan hari ini ke satu tarikh yang belum ditetapkan.

Sepanjang persidangan itu dua usul penting dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi iaitu usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Tujuh dan usul Kertas Putih mengenai Status Ekonomi Malaysia.

Persidangan Dewan kali ini yang dijadualkan selama 13 hari iaitu sehingga 20 Mei lepas telah ditambah dua hari (24 & 25 Mei) bagi membolehkan anggota-anggota dewan membahaskan semua Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Sebanyak 17 rang undang-undang telah diluluskan dan 12 daripadanya diluluskan hari ini.

Antaranya ialah Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999 dan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

Yang turut diluluskan ialah Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.

Persidangan kali ini juga menyaksikan majlis angkat sumpah dua senator iaitu Tan Sri Khalil Yaakob dan Datuk Pandikar Amin Haji Mulia bagi membolehkan mereka menjawat jawatan menteri seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rombakan kabinet pada Khamis lepas.

Khalil, 61, Menteri Besar Pahang dilantik sebagai Menteri Penerangan manakala Pandikar Amin, 46, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NZ RHM